

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
22 DISEMBER 2022**

**1. ANUGERAH INOVASI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2022**

Untuk makluman, MBSP telah menyertai 15 inovasi di dalam Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 iaitu mengikut kategori :

KIK : 1 penyertaan

AIKN :6 penyertaan dan

Innovation Blast : 8 penyertaan

Daripada penyertaan tersebut, MBSP telah berjaya mendapat penganugerahan di dalam Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 yang telah diadakan pada 08 Disember 2022 seperti berikut:

a. Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Tempat kedua untuk Inovasi SISKEN

b. Anugerah *Innovation Blast* Teknikal

Tempat ketiga untuk Inovasi Visible Parking

- c. Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Kategori Bukan ICT

Tempat pertama untuk Inovasi Lingkaran Bourgainvella

- d. Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Kategori ICT
 - i. **Tempat pertama untuk Inovasi Aspire Seberang Perai**
 - ii. **Tempat kedua untuk Inovasi Sistem Pengurusan Lesen Interaktif dan Bersepadu (SPEEDBiz)**
 - iii. **Tempat ketiga untuk Inovasi Sistem E - Clocking BKK**

Melalui Inovasi Lingkaran Bourgainvella, MBSP telah berjaya terpilih memenangi Anugerah Khas dalam **Anugerah Inovasi Ketua Menteri** yang telah diadakan pada 08 Disember 2022.

Tahniah dan syabas kepada semua pasukan kerja inovasi MBSP.

2. PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN BERTERASKAN KUALITI

MBSP (ISO DAN 5S)

Pihak SIRIM QAS International Sdn Bhd telah melaksanakan Audit Pensijilan Semula ke atas MBSP bagi semua pensijilan Sistem Pengurusan Berintegrasi. Pada masa yang sama, MBSP juga telah diaudit untuk pensijilan baru yang dimohon pada tahun ini iaitu Sistem Pengurusan Aset ISO 55001:2014 (AMS). Sukacita dimaklumkan bahawa MBSP telah berjaya melalui peringkat Audit Pensijilan Semula bagi semua pensijilan berkenaan dan berjaya memperolehi pensijilan baru Sistem Pengurusan Aset yang berkuatkuasa sehingga 17 November 2025.

Selain itu, MBSP juga telah melaksanakan Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti (5S), di mana Audit Pensijilan Semula telah diadakan pada 6 Disember 2022. MBSP dimaklumkan bahawa pensijilan semula 5S ini berjaya diperolehi dan diteruskan untuk tahun seterusnya.

Di samping itu, sukacita saya maklumkan bahawa MBSP kini sedang menyertai Program Pilot dengan bantuan SIRIM bersama tujuh (7) lagi organisasi Kerajaan Negeri dan swasta bagi satu lagi pensijilan baru iaitu Sistem Pengurusan Pematuhan ISO

37301:2021 (CMS). Sistem Pengurusan ini menekankan kepada aspek perundangan yang digunapakai dan perlu dipatuhi oleh organisasi-organisasi yang lebih berpaksikan kepada integriti.

Kesemua ini menunjukkan betapa MBSP ingin menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang berpegang kepada integriti, yang unggul, cemerlang dalam berurusan dengan orang ramai serta menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik serta terkini kepada seluruh pelanggan dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Harapan saya, semua pihak memberikan sokongan padu kepada pengurusan MBSP untuk melangkah lebih jauh ke hadapan dalam mengekalkan budaya kualiti dan integriti.

3. PROMOSI KHAS PEMBAYARAN BIL CUKAI TAKSIRAN 2023 MELALUI APLIKASI ASPIRE SEBERANG PERAI

Dimaklumkan MBSP akan mengadakan promosi cabutan bertuah khas kepada pemilik premis yang membuat pembayaran cukai taksiran setahun 2023 (beserta tunggakan jika ada) melalui aplikasi ASPIRE Seberang Perai.

Promosi ini akan berlangsung seiring dengan promosi yang dilancarkan oleh MBSP dengan menawarkan hadiah yang menarik dan lumayan berbentuk hadiah cabutan bertuah secara bulanan serta satu (1) cabutan hadiah bonanza. Syarat penyertaan serta hadiah yang ditawarkan bagi promosi khas ASPIRE Seberang Perai ini adalah seperti berikut:-

- a. Pembayaran cukai taksiran setahun 2023 hendaklah dijelaskan sepenuhnya berserta tunggakan (jika ada) **hanya** melalui **APLIKASI ASPIRE SEBERANG PERAI SAHAJA.**
- b. Pembayaran hendaklah dibuat secara sepenuhnya dalam bulan yang sama dan ianya perlu dijelaskan di antara 1 Disember 2022 hingga 28 Februari 2023.
- c. Hadiah cabutan bertuah bulanan yang akan ditawarkan kepada pemilik akaun cukai taksiran yang berjaya adalah seperti berikut:

Bulan Pembayaran	Jenis Hadiah	Bulan cabutan pemenang
Disember 2022	5 Unit Samsung Galaxy A03	Awal Januari 2023
Januari 2023	5 Unit Samsung Galaxy A03	Awal Februari 2023
Februari 2023	5 Unit Samsung Galaxy A03	Awal Mac 2023

- d. Proses cabutan bertuah untuk hadiah bulanan akan ditentukan pada awal bulan berikutnya dan pemenang-pemenang akan dihubungi oleh MBSP untuk urusan tuntutan hadiah.

e. Bagi cabutan bertuah hadiah bonanza, kesemua akaun cukai taksiran yang layak mulai 1 Disember 2022 hingga 28 Februari 2023 akan dikumpulkan dan majlis cabutan nama pemenang ini akan ditentukan bersama-sama promosi cukai taksiran anjuran MBSP selepas selesai mesyuarat Majlis Penuh MBSP pada bulan Mac 2023. Hadiah cabutan bonanza adalah seperti berikut:

Bulan Pembayaran	Jenis Hadiah	Bulan cabutan pemenang
Disember 2022 hingga Februari 2023	Cabutan Bonanza Sebuah Motosikal WMoto WM110	Selepas Mesyuarat Majlis Penuh bulan Mac 2023

f. Pemenang-pemenang yang berjaya akan ditentukan berdasarkan nombor akaun cukai taksiran yang telah dibayar dan **BUKAN** berdasarkan nombor telefon atau pengguna ASPIRE Seberang Perai yang membuat pembayaran.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat penyertaan, sila layari

laman web <https://www.mbsp.gov.my> atau

<https://aspire.mbsp.gov.my> atau emel di aspire@mbsp.gov.my

4. PENEBUSAN MATA GANJARAN PENGGUNA APLIKASI

ASPIRE SEBERANG PERAI

Sukacita dimaklumkan mulai 18 Januari 2023, pengguna aplikasi ASPIRE Seberang Perai boleh mula menebus mata ganjaran yang telah dikumpul melalui transaksi pembayaran yang dibuat melalui ASPIRE serta melalui **Daily Check In**.

Pengguna yang telah mengumpul minima 2,500 mata ganjaran berpeluang untuk menebus mata ganjaran berkenaan kepada baucer tambah nilai Touch and Go eWallet bernilai RM5.00.

Pengguna akan menerima notifikasi berkaitan penebusan mata ganjaran ini dan butiran terperinci akan dipaparkan pada menu **Ganjaran (Rewards)** pada aplikasi ASPIRE Seberang Perai.

Untuk tema dan syarat, sila layari <https://aspire.mbsp.gov.my>

5. MBSP MELARANG PEMOTONGAN POKOK YANG MELEBIHI

0.8 METER LILITAN

MBSP melarang sebarang pemotongan pokok yang melebihi lilitan 0.8 meter tanpa kebenaran MBSP. MBSP mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu atau syarikat yang didapati memotong pokok tanpa kebenaran. Pada 27 Oktober 2022, Mahkamah Munisipal Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah

telah menjatuhkan hukuman bersalah terhadap sebuah syarikat Sdn. Bhd dan 16 individu yang lain yang mana telah dihukum denda. Perkara ini hendaklah menjadi pengajaran kepada seluruh penduduk di Seberang Perai agar tidak memotong pokok sesuka hati tanpa kebenaran MBSP.

6. SAMBUTAN HARI NATAL

Saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Kristian. Hari Natal disambut pada 25 Disember 2022 (Ahad) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

7. SAMBUTAN TAHUN BARU 2023

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2023 kepada seluruh Penduduk Seberang Perai. Tahun Baru 2023 disambut pada 1 Januari 2023 (Ahad) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum. Semoga Tahun Baru disambut dengan semangat baru dan komitmen baru yang lebih baik.

8. SAMBUTAN TAHUN BARU CINA

Dikeempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina kepada Penduduk Seberang Perai yang berketurunan cina. Tahun Baru Cina disambut oleh semua kaum cina tidak kira agama kerana Tahun Baru Cina merupakan aturcara kalendar baru. Tahun Baru Cina disambut pada 22 & 23 Januari 2023 (Ahad & Isnin) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

SEKIAN, TERIMA KASIH.